

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**  
**KATEGORI : PENIAGA / VENDOR**

**1. Q : Apa itu S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**

A: S.M.A.R.T Iftar @ Perak merangkumi platform atas talian yang dibangunkan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak). Ianya merangkumi direktori peniaga dan menu juadah Ramadhan di Negeri Perak. Selain itu, ia juga menjadi platform perhubungan peniaga dan penyedia perkhidmatan Foodpanda, Grab Food dan solusi perniagaan melalui aplikasi whatsapp iaitu YEZZA. Peserta yang berminat untuk menjadi penghantar makanan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh mendapatkan maklumat melalui portal ini.

**2. Q : Bagaimana Portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak berfungsi?**

A: S.M.A.R.T Iftar @ Perak akan menyenaraikan direktori juadah berbuka puasa yang dijual oleh penjual mengikut kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Perak. Sekiranya pihak pembeli ingin membeli juadah tersebut, terdapat nombor talian penjual/vendor, atau terus membuat pesanan makanan melalui kedai maya penjual/vendor di dalam aplikasi syarikat khidmat penghantar (Foodpanda / Grab Food / Yezza) jika berdaftar.

**3. Q : Kaedah jualan yang dibenarkan**

A : Jualan juadah berbuka puasa hanya dibenarkan penjualan secara atas talian (online) daripada rumah/restoren sahaja dan penghantaran dilaksanakan oleh syarikat khidmat penghantar yang bekerjasama dengan kerajaan negeri (Foodpanda / Grab Food) atau penghantar persendirian tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Runner*).

**4. Q : Bagaimana saya ingin mendaftar sebagai peniaga / vendor**

A : Para peniaga / vendor yang berminat perlu melaksanakan pendaftaran secara atas talian di pautan berikut bermula 17 April 2020 :  
<https://digital.perak.my/>

Pendaftaran juga boleh dibuat melalui pautan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing melalui laman web rasmi atau laman media sosial rasmi Pihak Berkuasa Tempatan terlibat.

**5. Q : Apakah keperluan bagi layak mendaftar sebagai peniaga / vendor**

Semua peniaga yang beralamat di Negeri Perak layak dan dialu-alukan mendaftar melalui <https://digital.perak.my/> dan maklumat perniagaan akan dipamerkan di dalam portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak. Bagi peniaga yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu suntikan Typhiod dan lesen perniagaan, satu lencana (badge) "Disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan" akan dipamerkan pada maklumat syarikat.

**6. Q : Saya masih berminat untuk menyertai S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK tetapi tidak memenuhi keperluan kesihatan yang ditetapkan PBT**

Para peniaga/vendor yang tidak memenuhi keperluan kesihatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dibenarkan untuk melaksanakan pendaftaran dan membuat jualan melalui portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak, tetapi kedai maya peniaga/vendor tersebut tidak akan mendapat lencana (badge) "Disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan".

**7. Q : Berapa lama proses kelulusan pendaftaran**

Proses kelulusan pendaftaran adalah serta merta. Walaubagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan terlibat akan membuat saringan dari masa ke semasa untuk mengenalpasti peniaga / vendor yang memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (mempunyai lesen perniagaan dan keperluan kesihatan) untuk diberikan lencana (badge) sebagai pengesahan peniaga / vendor tersebut memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan.

**8. Q : Bagaimana peniaga / vendor tahu telah berjaya melaksanakan proses pendaftaran perniagaan**

Setelah selesai proses pendaftaran atas talian, para peniaga/vendor akan terus diberikan ID Pengguna dan kata laluan bagi tujuan log masuk seterusnya melaksanakan penyenaian produk jualan.

**9. Q : Bagaimana peniaga / vendor ingin melantik penghantar makanan tempatan persendirian**

Terdapat penghantar persendirian tempatan yang berdaftar dengan pihak PBT masing-masing. Apabila telah berjaya mendaftarkan diri sebagai penghantar persendirian tempatan, penghantar persendirian tempatan akan menghubungi peniaga/vendor yang berdaftar di dalam portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak untuk dilantik sebagai penghantar makanan kepada peniaga/vendor.

Sila ambil perhatian bahawa penghantar persendirian tempatan hanya beroperasi dalam radius tidak melebihi 10 kilometer daripada alamat peniaga / vendor yang didaftarkan.

Waktu operasi penghantar persendirian tempatan juga di hadkan dari jam 3.00 petang sehingga 7.00 malam.

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**  
**KATEGORI : RIDER/RUNNER/PENGHANTAR MAKANAN PERSENDIRIAN**

**1. Q : Apa itu S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**

A: S.M.A.R.T Iftar @ Perak merangkumi platform atas talian yang dibangunkan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak). Ianya merangkumi direktori peniaga dan menu juadah Ramadhan di Negeri Perak. Selain itu, ia juga menjadi platform perhubungan peniaga dan penyedia perkhidmatan Foodpanda, Grab Food dan solusi perniagaan melalui aplikasi whatsapp iaitu YEZZA. Peserta yang berminat untuk menjadi penghantar makanan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh mendapatkan maklumat melalui portal ini.

**2. Q : Bagaimana aplikasi S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK berfungsi?**

A: S.M.A.R.T Iftar @ Perak akan menyenaraikan direktori juadah berbuka puasa yang dijual oleh penjual mengikut kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Perak. Sekiranya pihak pembeli ingin membeli juadah tersebut, terdapat nombor talian penjual/vendor, atau terus membuat pesanan makanan melalui kedai maya penjual/vendor di dalam aplikasi syarikat khidmat penghantar (Foodpanda / Grab Food / Yezza) jika berdaftar.

**3. Q : Kaedah jualan yang dibenarkan**

A : Jualan juadah berbuka puasa hanya dibenarkan penjualan secara atas talian (online) daripada rumah/restoren sahaja dan penghantaran dilaksanakan oleh syarikat khidmat penghantar yang bekerjasama dengan kerajaan negeri (Foodpanda / Grab Food) atau penghantar persendirian tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Runner*).

**4. Q : Bagaimana saya ingin mendaftar sebagai penghantar syarikat khidmat penghantar / penghantar persendirian**

A : Pendaftaran sebagai penghantar syarikat khidmat penghantar rasmi (Foodpanda / Grab Food)

Pihak yang berminat perlu melayari portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak dan klik pada pautan syarikat penghantar yang disediakan.

Pendaftaran sebagai penghantar persendirian (*Local Runner*)

Pendaftaran sebagai penghantar persendirian yang berdaftar dengan PBT boleh dibuat melalui pautan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui laman web rasmi atau laman media sosial rasmi PBT terlibat.

Pendaftaran juga boleh dibuat melalui pautan berikut bermula 19 April 2020 :  
<https://digital.perak.my/>

\* Setelah berjaya melaksanakan pendaftaran, penghantar persendirian perlu berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat untuk proses seterusnya.

Apabila telah berjaya mendaftarkan diri sebagai penghantar persendirian, individu tersebut boleh menghubungi peniaga/vendor yang berdaftar di dalam portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak untuk dilantik sebagai penghantar makanan kepada peniaga/vendor tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa penghantar persendirian tempatan hanya beroperasi dalam radius tidak melebihi 10 kilometer daripada alamat peniaga / vendor yang didaftarkan.

Penghantar persendirian tempatan di syaratkan supaya sentiasa menggunakan penutup mulut dan hidung Ketika melakukan penghantaran.

Waktu operasi penghantar persendirian tempatan juga di hadkan dari jam 3.00 petang sehingga 7.00 malam.

**5. Q : Apakah keperluan bagi layak mendaftar sebagai penghantar syarikat khidmat penghantar / penghantar persendirian**

Para peniaga yang berminat untuk berkhidmat sebagai penghantar persendirian S.M.A.R.T Iftar @ Perak perlu membuat saringan kesihatan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**6. Q : Berapa lama proses kelulusan pendaftaran sebagai penghantar persendirian**

Proses kelulusan pendaftaran adalah serta merta.

Walaupun bagaimanapun, setelah berjaya melaksanakan pendaftaran, penghantar persendirian perlu berhubung dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan terlibat untuk proses seterusnya.

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**  
**KATEGORI : PEMBELI**

**1. Q : Apa itu S.M.A.R.T IFTAR @ PERAK**

A: S.M.A.R.T Iftar @ Perak merangkumi platform atas talian yang dibangunkan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak). Ianya merangkumi direktori peniaga dan menu juadah Ramadhan di Negeri Perak. Selain itu, ia juga menjadi platform perhubungan peniaga dan penyedia perkhidmatan Foodpanda, Grab Food dan solusi perniagaan melalui aplikasi whatsapp iaitu YEZZA.

Pihak pembeli hanya perlu melayari <https://digital.perak.my/> bagi melihat menu Ramadhan yang disediakan oleh peniaga berdaftar. Bagi peniaga yang berdaftar dengan Foodpanda atau Grab, menu mereka turut diletakkan di dalam aplikasi Foodpanda atau Grab. Bagi peniaga yang tidak berdaftar dengan Foodpanda atau Grab, pembeli boleh berhubung terus dengan peniaga melalui maklumat perhubungan yang disediakan di dalam aplikasi S.M.A.R.T Iftar @ Perak.

**2. Q: Apakah perbezaan diantara peniaga yang mempunyai lencana (badge) DISAHKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) dan peniaga juadah biasa?**

A: Peniaga yang mempunyai lencana (badge) DISAHKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN telah disaring oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terlibat seperti mempunyai lesen perniagaan, keperluan kesihatan (suntikan Typhoid) dan sebagainya.

**3. Q: Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat jenis, menu dan harga makanan/minuman?**

A: Maklumat tersebut boleh dipaparkan di portal S.M.A.R.T Iftar @ Perak serta di aplikasi Foodpanda, Grab Food dan YEZZA.

**4. Q: Bagaimanakah pembayaran makanan dibuat melalui tempahan makanan/minuman melalui sistem ini?**

A: Pembayaran makanan boleh dibuat secara atas talian melalui aplikasi Foodpanda, Grab Food dan YEZZA. Pembayaran secara tunai juga boleh dilakukan kepada penghantar makanan tetapi tidak digalakkan atas faktor keselamatan.

**5. Q: Bagaimanakah saya tahu perkhidmatan penghantaran makanan sedia ada di kawasan kediaman saya?**

A: Anda boleh menyemak senarai peniaga di aplikasi-aplikasi syarikat khidmat penghantar (Foodpanda / Grab Food) yang muncul dalam 'swimlane' aplikasi-aplikasi, iaitu kategori khas S.M.A.R.T Iftar @ Perak. Peniaga-peniaga yang terdapat dalam lingkungan 5 kilometer akan dipaparkan.

Bagi peniaga / vendor diluar kawasan liputan syarikat khidmat penghantar, terdapat nombor talian peniaga / vendor untuk dihubungi di samping nombor penghantar persendirian tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Runner*). Walaubagaimanapun, penghantar persendirian tempatan hanya beroperasi dalam radius tidak melebihi 10 kilometer daripada alamat peniaga / vendor yang didaftarkan. Waktu operasi penghantar persendirian tempatan juga di hadkan dari jam 3.00 petang sehingga 7.00 malam.

**6. Q: Bagaimanakah saya membuat aduan berkenaan peniaga makanan/minuman atau perkhidmatan penghantaran makanan?**

A: Anda boleh memberikan maklum balas melalui aplikasi Foodpanda, Grab Food dan YEZZA setelah penghantaran makanan/minuman telah dibuat.

**7. Q: Apakah caj perkhidmatan atau caj-caj tambahan lain yang akan dikenakan jika saya membeli makanan/minuman melalui sistem syarikat khidmat penghantar ini?**

A: Ini tertakluk kepada pihak syarikat khidmat penghantar (Foodpanda / Grab Food / YEZZA). Caj yang mungkin akan dikenakan adalah termasuk caj jualan produk dan caj penghantaran. Sila semak maklumat tersebut di dalam aplikasi syarikat khidmat penghantar sewaktu membeli.

**8. Q: Bilakah sistem ini akan beroperasi dan berapa lama tempohnya?**

A: Sistem ini akan mula beroperasi pada 19 April 2020. Walaubagaimanapun, paparan menu mengikut daerah / PBT akan mula dipamerkan bermula 1 Ramadhan 1441H dan berterusan sepanjang bulan Ramadhan.

**9. Q: Bilakah masa penerimaan tempahan pertama dan tempahan terakhir?**

A: Masa membuat tempahan tertakluk kepada pihak peniaga-peniaga yang berdaftar dengan Foodpanda, Grab Food dan YEZZA.

**10. Q: Adakah diskaun/potongan harga diberikan untuk pembelian makanan/minuman atas talian ini?**

A: Ianya adalah tertakluk kepada pihak syarikat khidmat penghantar (Foodpanda / Grab Food / YEZZA) dan juga para peniaga.